

Iktibar kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah bahana khianat

Oleh Dr Muhammad Khalis Ibrahim



Pensyarah Kanan Pusat Sains Kemasyarakatan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

Hari ini, genap 100 tahun pembubaran Khilafah Uthmaniyyah, iaitu kerajaan berasaskan monarki pernah teragak lebih 600 tahun. Sejarah Uthmaniyyah perlu difahami secara komprehensif dan tidak cukup sekadar dibaca secara tunggal, sebaliknya perlu dilihat sebagai kesinambungan dengan kerajaan Islam sebelumnya.

Uthmaniyyah sebenarnya pewaris bagi Kerajaan Seljuk Rom (nama Rom merujuk

kepada Anatolia yang menjadi sebahagian wilayah kekuasaan Empayar Rom Timur) yang semakin memusat pada penghujung abad ke-13.

Kerajaan Seljuk Rom juga baki-kantinya mewarisi 'baton kepimpinan' kerajaan Islam sebelumnya, iaitu Seljuk Agung, Abbasiyyah, Umayyiah, Khulafa al-Rasyidin dan bersambung secara langsung kepada kepimpinan Rasulullah SAW.

Mengambil kira sukur-galur ini, Uthmaniyyah menjadi kerajaan Islam terakhir berperanan sebagai penerang utama umat Islam pada zamannya. Tidak keterlaluan untuk menisbahkan ia sebagai khilafah Islam terakhir.

Maka, pembubaran Uthmaniyyah pada 3 Mac 1924 tidak boleh dilihat semata-mata terbaharunya kerajaan dipimpin bangsa Turki, tetapi terbaharunya kerajaan menyumbang mata rautal khilafah teragak lebih 1,400 tahun.

Uthmaniyyah memberi sumbangan besar kepada perkembangan Islam. Di bawah kepimpinan Sultan Mehmed II (1451-1481), Uthmaniyyah berupaya merealisasikan sabbah Rasulullah SAW mengenai pembubaran Kota Konstantinopel.

Rasulullah SAW bersabda: "Kota Konstantinopel akan jatuh ke tangan Islam. Pemimpin mendudukinya adalah sebaik-baik pemimpin dan panutan berada di bawahnya adalah sebaik-baik pasukan." (Hadis riwayat Ahmad)

Kemudian, pengaruh Islam terus diperluas Uthmaniyyah hingga wilayah kekuasaannya merentasi tiga benua semasa pemerintahan Sultan Sulaiman I (1520-1566).

Namun, Uthmaniyyah mengalami pasang surutnya apabila berada pada fasa mendatar semasa penghujung kepimpinan Sultan Sulaiman I. Kemudian, permasalahan dari luar dan dalam melanda, menyumbang kepada kelemahannya, antaranya konflik politik dalaman istana, pemimpin tidak cukup, kekalahan dalam siri peperangan dengan kuasa Eropah, hutang kerajaan menimbun dan pemerintahan di wilayah dikuasai.

Kemuncak kelemahan Uthmaniyyah berlaku apabila pemimpin

Gerakan Turki Muda (yang merampas kuasa daripada Sultan Uthmaniyyah terakhir) mempunyai kedaulatan, iaitu Sultan Abdulhamid III mengisytiharkan Uthmaniyyah untuk menyertai Kuasa Pusat dalam Perang Dunia Pertama.

Kekalahan dalam Perang Dunia Pertama menyumbang Uthmaniyyah kehilangan sebahagian besar wilayah kekuasaannya. Wilayah Uthmaniyyah di Asia Barat dan Afrika Utara diagihkan Pihak Bersekutu yang menangi perang berkenaan termasuk Palestin ditetakkan di bawah mandat British.

Malah, Istanbul yang menjadi pusat pemerintahan Uthmaniyyah dikepung tentera Bersekutu. Pelbagai siri perang dan diplomasi berjalan demi menyelamatkan saki-baki wilayah Uthmaniyyah hingga ditamatkan dengan pengisytiharan pembubaran oleh Parlimen Turkiye di bawah kepimpinan Mustafa Kemal Atatürk pada 3 Mac 1924.

Menyorek semula sejarah bukanlah demi romantisme terhadap pencapaian lepas atau ratapan episod hitam tetapi mengambil pengajaran untuk hari ini dan pandangan bagi hari esok.

Kejatuhan Uthmaniyyah menunjukkan kepimpinan lemah akan mengundang 1,001 masalah. Antara punca utama kemerosotan Uthmaniyyah ialah orang tidak selayaknya dilantik ke posisi penting kerajaan, menyebabkan berlakunya kelemahan pada pentadbiran.

Kelemahan kuasa luar

Pentadbiran lemah menyebabkan pintu terbuka luas kepada kemusuhan unsur asing. Pada pertengahan kurun ke-19, program pembaharuan dijalankan pembesar Uthmaniyyah untuk memperkemas urusan pentadbiran dan menstrukturkan semula institusi kerajaan supaya lebih efisien.

Bagaimanapun, program pembaharuan itu tidak menghasilkan impak diinginkan kerana faktor kepimpinan lemah hingga membawa permasalahan baharu pula kepada kerajaan.

Perubahanan terlalu menandang ke arah Barat (Eropah) membuka pintu kepada kemusuhan ideologi asing seperti sekularisme dan nasionalisme, kemudiannya menjadi barah buat Uthmaniyyah.

Lebih parah lagi, pintu terbuka turut mengundang campur tangan kuasa luar dalam mempengaruhi hal ehwal pentadbiran Uthmaniyyah, akhirnya menyumbang kepada pemberontakan dari dalam wilayah ditadbir.

Faktor kepimpinan sangat mempengaruhi kestabilan dan kesejahteraan sesebuah negara. Dalam konteks pengalaman demokrasi di negara kita pada hari ini, pemimpin memegang kuasa ditentukan rakyat melalui proses pengundian, bukan secara warisan dan lantikan langsung seperti diamalkan Uthmaniyyah.

Justeru, rakyat selaku pemegang taruh utama bagi sesebuah kerajaan stabil perlu bijak menentukan siapa-kah layak untuk diberikan amanah

memimpin supaya nasib negara tidak dipertaruhkan.

Selain itu, kejatuhan Uthmaniyyah menyaksikan pengkhianatan terhadap kerajaan boleh dilakukan bangsa sendiri. Ini dapat dilihat melalui pembunuhan secara rasmi oleh Parlimen Turkiye di bawah Atatürk, iaitu pemimpin borbangsa Turki.

Sebagai bekas pegawai tinggi tentera Uthmaniyyah, Atatürk diakui mempunyai jasa terhadap perjuangan pembaharuan menentang Pihak Bersekutu. Tidak sedikit ulama menyokong perjuangan Atatürk kerana pada mulanya, beliau menggunakan retorik agama bagi menarik kepercayaan warga Uthmaniyyah.

Bagaimanapun, pengkhianatan Atatürk mula terungkap selepas bertindak mengakhiri sistem kesultanan Uthmaniyyah pada 1 November 1922, diikuti pembubaran sistem khilafah secara kesetruhan pada 3 Mac 1924.

Meskipun seteru Uthmaniyyah melakukan pelbagai usaha bagi merampas kerajaan itu, usaha dilakukan tidak berjaya untuk menghapuskannya. Sebaliknya, ia dilakukan Atatürk.

Senario ini mengambarkan pengkhianatan dari dalam lebih besar, kerana individu atau kumpulan dari pada bangsa sama lebih memahami selok-belok pemerintahan bangsanya sendiri.

Pengkhianatan boleh diibaratkan barah yang perlu dicantas kerana umpama dari dalam daging yang boleh merampas sesebuah bangsa dan negara.

Nasib kejatuhan khilafah Islam terakhir ini perlu dijadikan pengajaran supaya permasalahan sama tidak berulang pula pada negara tercinta.

“Antara punca utama kemerosotan Uthmaniyyah ialah orang tidak selayaknya dilantik ke posisi penting kerajaan, menyebabkan berlakunya kelemahan pada pentadbiran”

